

Tak faham kerjasama antara UMNO, PAS: PM

Dua parti perlu buktikan jalinan dibuat bukan atas dasar perkauman

Oleh Suhaila Shahrul Annuar
suhaila.shahrul@bh.com.my

Putrajaya: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak faham bagaimana UMNO boleh bekerjasama dengan PAS sedangkan parti itu sebelum ini pernah menggelarkan UMNO sebagai 'kafir'.

"Saya tidak faham bagaimana UMNO boleh bekerjasama dengan PAS sebab UMNO itu 'kafir'," katanya pada sidang media selepas menyaksikan The Putrajaya Boat Race 2019, di sini, semalam.

Perdana Menteri ditanya mengenai piagam kerjasama yang dinamakan Piagam Muafakat Nasional dimeterai kedua-dua parti itu, kelmarin.

Beliau berkata, kerjasama antara UMNO dan PAS itu jelas dibuat atas dasar perkauman dan agama meskipun kepimpinan UMNO menyangkal ia tiada kaitan dengan dua perkara itu.

Selaliknya, Dr Mahathir ber-



Dr Mahathir bersama Menteri Wilayah, Khalid Abdul Samad (kiri) dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Dr Aminuddin Hassim menaiki Cruise Tasik Putrajaya bagi menyaksikan kejohanan The Putrajaya Boat Race 2019 di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

kata, apa yang diperkatakan kedua-dua parti itu perlu dibuktikan dengan perbuatan.

"Apa yang kita buat itu penting. Jika anda berada di sana untuk membangkitkan perasaan perkauman, saya fikir itu salah," katanya.

Mengenai kehadiran Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri

Mohamed Azmin Ali dalam majlis bacaan Yassin dan doa selamat sempena sambutan ulang tahun ketiga penubuhan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) di Shah Alam, Khamis lalu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BERSATU berkata, ramai pemimpin terkemuka Pakatan Harapan (PH) turut di-

jemput hadir.

Ditanya sama ada itu isyarat bahawa Mohamed Azmin akan menyertai parti berkenaan, beliau berkata, Timbalan Presiden PKR itu tidak pernah menghantar borang permohonan.

"Dia tak buat permohonan. Kalau ada permohonan, kita timbanglah," katanya.